



BULATAN depan Stesen Keretapi Seremban ditutup oleh rentangan poster.

MCA mahu lantik ramai wakil wanita

KUALA LUMPUR, Jumaat — MCA akan melantik lebih ramai ahli wanita yang berkebolehan untuk berkhidmat dalam Majlis Daerah, Majlis Perbandaran, Dewan Undangan Negeri dan Parlimen pada masa akan datang, kata Pemangku Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Dr Neo Yee Pan.

Menurutnya, peluang untuk wanita Cina membantu pembangunan negara akan dibuka lebih luas lagi bagi memastikan kelahiran pemimpin yang berterusan.

Tambahnya, peluang untuk wanita melantik pemimpin dari jenis mereka sendiri patut dibuka lebih luas, tidak kira bangsa, untuk bersama-sama berkhidmat dengan lelaki dalam bidang politik.

Bercakap dalam satu sidang akhbar di sini hari ini, Datuk Dr Neo berkata, kira-kira 4,000 pemimpin serta ahli MCA dan penyokong Barisan Nasional dari seluruh negara akan ada di Seremban untuk memberi semangat kepada pengundi-pengundi. Dari jumlah itu, 1,500 adalah wanita.

Peluang untuk menang di pilihanraya itu kini adalah 50 peratus.

Katanya, jika pengundi dan penyokong meningkatkan semangat, kemungkinan untuk memenangi kerusi Parlimen itu adalah cerah.

Sistem pentadbiran Barisan Nasional yang lebih mementingkan sokongan dan perpaduan semua pihak menyebabkan parti lawan kini "ketakutan" kerana sudah hilang isu di saat-saat akhir sebelum mengundi.

Menang

Tambahnya, walaupun poster-poster parti pembangkang lebih banyak dari poster dacing pada hari penamaan calon, kini poster dacing lebih hebat dari poster roket.

Sikap kuat bekerja dan sentiasa berusaha melawan pembangkang yang ada pada sanubari penyokong dan pengundi Barisan Nasional, kata Datuk Dr Neo, berjaya mengatasi parti pembangkang dari bilangan ceramah dan poster.

Sifat tidak memandang rendah dan bersatu, menurutnya, juga melambangkan bahawa penyatuan usaha adalah lebih baik dari penyatuan sesuatu kaum sahaja di negara ini.

Turut hadir di sidang akhbar itu ialah Pemangku Timbalan Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Mak Hon Kam, dan Setiausaha Agungnya, Tan Sri Chong Hon Nyan.

Bahan asal dari Akhbar
Negara Malaysia